



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGEKALAN SENI WARISAN ALAT MUZIK SERUNAI DI
KELANTAN**

Che Noriah Binti Che Ismail

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2013**

PENGEKALAN SENI WARISAN ALAT MUZIK SERUNAI DI KELANTAN

CHE NORIAH BINTI CHE ISMAIL

(26063)

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah
Sarjana Seni Gunaan dan Kreatif dengan Kepujian
Program Pengurusan Seni**

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : PENGEKALAN SENI WARISAN ALAT MUZIK SERUNAI DI KELANTAN

SESI PENGAJIAN : 2012/2013

Saya CHE NORIAH BINTI CHE ISMAIL

Mengaku membenarkan tesis* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan /

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Che Noriah Bt. Che Ismail)

Alamat Tetap:

Tarikh :

(Dr. Noria Tugang)

Tarikh :

Catatan: * Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

* Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk **PENGEKALAN SENI WARISAN ALAT MUZIK SERUNAI DI KELANTAN** telah disediakan oleh **Che Noriah Binti Che Ismail (26063)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(DR. NORIA TUGANG)

Tarikh: _____

PENGHARGAAN

“Bismillahirrahmanirrahim”

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat saya menyiapkan tugas Projek Tahun Akhir (PTA) walaupun dengan penuh dugaan dan cabaran yang dihadapi.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia PTA iaitu Dr. Noria Anak Tugang dan semua pensyarah di Jabatan Seni Liberal atas segala tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan untuk menyiapkan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada informan pembuat Serunai Kelantan iaitu saudara Mohd Khairul Sezali kerana memberi maklumat dan kerjasama sepanjang kajian saya dan membantu mencapai matlamat kajian ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ibu saya Pn. Asmah Bt. Yusuf dan Mohd Norizly Mozli Mohktar kerana membantu saya dari segi kewangan dan suntikan semangat untuk menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, sekalung budi dan ucapan terima kasih kepada mereka yang telah terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Saya akhiri dengan ucapan jutaan terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Borang Pengesahan Status Laporan	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	iv - viii
Senarai Rajah Dan Jadual	ix -x
Abstrak	xi
Abstract	xii

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1 - 2
1.2	Alat Muzik Tradisional Serunai	2 - 10
1.3	Hipotesis Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	10 - 11

1.5	Permasalahan Kajian	11 - 12
1.6	Metodologi Kajian	12 -13
1.7	Ruang Lingkup	13 - 14
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Masalah-masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian	15

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1	Pengenalan	16
2.2	Asal-Usul Negeri Kelantan	16 - 17
2.2.1	Asal-Usul Daerah Tumpat	17 - 18
2.3	Fungsi Serta Penggunaan Serunai Dalam Konteks Sosio Budaya	19 - 20
2.4	Proses Pembuatan Serunai Kelantan	21 - 24
2.5	Rumusan	24

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	25
3.2	Kajian Perpustakaan	25 - 26
3.3	Kajian Lapangan	26 - 27
3.3.1	Kaedah Pemerhatian	28 - 30
3.3.2	Kaedah Temu Bual	30 - 31
3.4	Populasi	31

BAB 4

ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	32
4.2	Pembuatan Serunai Kelantan	32 - 33
4.2.1	Bengkel Pembuatan Serunai Di Kampung Laut 3, Tumpat	34 - 35
4.2.2	Bengkel Pembuatan Serunai Di Kampung Lati, Pasir Mas	35 - 36
4.3	Pembuatan Serunai Di Kampung Laut 3, Tumpat	36

4.3.1	Bahan-bahan Yang Digunakan Dalam Menghasilkan	
	Serunai Kelantan	37 - 41
4.3.2	Peralatan Yang Digunakan	41 - 42
4.4	Kaedah Dan Proses Pembuatan Serunai Kelantan	
	Di Kampung Laut 3, Tumpat	43
4.4.1	Batang Serunai Dan Kecopong	
	i. Teknik Menarah Dan Larik	44 – 47
	ii. Menebuk Saluran Udara Serunai	47 – 48
	iii. Mengukir Dan Mengecat Batang Serunai	
	Dan Kecopong	48 - 50
	iv. Proses Menebuk Lubang Petik Serunai	50 – 51
	v. Pemasangan Temin	51 – 52
	vi. Membuat Nali	52 – 53
	vii. Pasang Pelapik	53 - 54
	viii. Menghasilkan Pipit	54 - 56
4.5	Fungsi Alunan Muzik Serunai Kelantan Dalam Persembahan	
	Wayang Kulit	56 - 58

4.6	Penggunaan Dan Fungsi Muzik Serunai Kelantan	
	Dalam Konteks Sosio Budaya	58 - 64

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	65 - 67
5.2	Cadangan	68 - 69
	5.2.1 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	69

	SENARAI RUJUKAN	70 - 71
--	-----------------	---------

LAMPIRAN

Senarai Rajah dan Jadual Kajian

Rajah 1 : Alat Muzik Tradisional Serunai Kelantan (Halaman 2)

Rajah 2 : Bahagian-bahagian yang terdapat pada sebatang serunai (Halaman 7)

Rajah 3 : Peta lokasi kajian Kampung Laut 3, Daerah Tumpat, Kelantan (Halaman 18)

Rajah 4 : Informan, Mohd Khairul Sezali (Halaman 35)

Rajah 5 : Informan, Yusof Hussain (Halaman 36)

Rajah 6 : Anak panah menunjukkan bekalan kayu untuk dijadikan batang serunai
(Halaman 39)

Rajah 7 : Tembaga yang sudah dipotong untuk dijadikan menali (Halaman 39)

Rajah 8 : Daun Lontar yang sudah siap digunting untuk dijadikan pipit (Halaman 40)

Rajah 9 : Cat Ocean II Colour untuk mengecat ukiran serunai (Halaman 41)

Rajah 10 : Mesin Larik (Halaman 42)

Rajah 11 : Carta teknik dan pembuatan Serunai Kelantan (Halaman 44)

Rajah 12 : Menarah kayu separa bulat untuk dilarik (Halaman 45)

Rajah 13 : Melarik batang serunai (Halaman 45)

Rajah 14 : Melarik kecopong atau kepala serunai (Halaman 46)

Rajah 15 : Teknik menebuk saluran udara serunai (Halaman 48)

Rajah 16 : Teknik mengukir motif pucuk rebung dan mengecat serunai

(Halaman 49-50)

Rajah 17 : Teknik menebuk lubang petik (Halaman 51)

Rajah 18 : Logam Temin dipasang untuk mencantumkan bahagian dipisahkan

(Halaman 52)

Rajah 19 : Membentuk nali menggunakan bahan tembaga (Halaman 53)

Rajah 20 : Pelapik ini akan dicantum dengan nali (Halaman 55)

Rajah 21 : Teknik membuat pipit dengan memotong daun Lontar (Halaman 56)

Jadual 1 : Senarai serunai di Malaysia serta persembahannya (Halaman 5)

Jadual 2 : Contoh jadual analisis teknik pembuatan Serunai Kelantan (Halaman 30)

Jadual 3 : Contoh jadual analisis fungsi Serunai Kelantan dalam persembahan

(Halaman 30-31)

ABSTRAK

Serunai Kelantan merupakan sejenis alat muzik tradisional Melayu Kelantan yang digunakan dalam persembahan muzik Wayang Kulit dan muzik Gendang Silat. Alat muzik ini diambang kepupusan kerana tidak ada pelapis atau generasi muda untuk mewarisi teknik pembuatan serunai. Menyedari hakikat ini, kajian Pengekalan Seni Warisan Alat Muzik Serunai di Kelantan merungkaikan teknik- teknik pemprosesan Serunai Kelantan dijalankan, mengetahui penggunaan serunai dalam konteks sosio budaya serta fungsi alunan muzik serunai dalam persembahan Wayang Kulit. Pengekalan warisan merupakan kunci utama untuk memastikan warisan bangsa terus dikekalkan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan sumber data primer atau asli sesuai dengan ketepatan maklumat yang diberikan kerana pengalamannya (pembuat serunai) amat penting.

Kata kunci : Pengekalan, Serunai Kelantan, teknik, fungsi, dan alunan muzik.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab satu merupakan bab pendahuluan yang mengandungi beberapa elemen yang perlu diketahui secara umum oleh pengkaji untuk meneruskan kajian. Kandungan bab satu ini mempunyai maklumat gambaran awal tentang alat muzik tradisional serunai, objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian, hipotesis, ruang lingkup, dan metodologi kajian. Kesemua bahagian ini amat penting untuk memberi gambaran awal kepada pengkaji untuk meneruskan kajian tentang Pengekalan Seni Warisan Alat Muzik Serunai di Kelantan.

Kajian ini bertujuan untuk merungkaikan tentang teknik-teknik serta proses pembuatan Serunai Kelantan khususnya secara tradisional dan tidak memerlukan tenaga mesin sepenuhnya. Selain itu, pengkaji juga mengkaji fungsi alunan muzik serunai dalam persembahan Wayang Kulit dan peranan Serunai Kelantan dalam konteks sosio budaya. Pengekalan teknik pembuatan serunai perlu diteruskan supaya warisan dapat dikekalkan dari segi ketahanan serta ukirannya. Bahkan warisan ini perlu diwarisi oleh semua golongan supaya warisan ini dapat diteruskan.

Pengkaji lebih berminat meneruskan kajian ini kerana pengkaji ingin mengetahui keunikan dan nilai kesenian alat muzik ini dari segi ukiran, pembuatan serta persembahan dalam Wayang Kulit. Pengkaji memilih persembahan Wayang Kulit kerana persembahan ini masih mendapat tempat dalam semua golongan di Kelantan. Setiap persembahan yang dimainkan seperti Wayang Kulit, Menora, dan Main Puteri diiringi dengan alunan serunai membuatkan penonton menghayati dengan lebih mendalam kerana setiap persembahan memberi makna yang tersirat.

1.2 Alat Muzik Tradisional Serunai



Rajah 1 : Alat Muzik Tradisional Serunai Kelantan

Menurut Portal Rasmi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Serunai Kelantan adalah sejenis alat muzik dalam kumpulan muzik tradisional Melayu dan merupakan salah satu daripada alat muzik utama dalam

persembahan Wayang Kulit Kelantan. Selain itu, serunai juga digunakan dalam persembahan Menora, Main Puteri, dan Gendang Silat. Setiap persembahan mempunyai alunan dan lagu yang berbeza menggambarkan sesebuah watak serta situasi jalan cerita.

Serunai Kelantan adalah salah satu jenis alat permainan yang sudah lama bertapak dalam dunia Melayu. Kebanyakan dalam permainan yang melibatkan teater klasikal tradisi menggunakan peralatan ini terutama di sebelah utara dan pantai timur. Namun sehingga kini, umumnya masyarakat masih tidak dapat mengenali alat muzik yang bernama serunai sehingga tidak dapat membezakannya dengan seruling atau nafiri.

Menurut Hamidah Husain dan Mohamed Roselan Malek dalam bukunya yang berjudul Alat Muzik Tradisional, serunai merupakan salah satu alat muzik yang dimainkan secara tiupan. Terdapat pelbagai jenis serunai dan bentuk- bentuk serunai di Malaysia. Jenis-jenis serunai yang ada di Malaysia ialah Serunai Padi, Serunai Pemetong, Serunai Wayang Kulit, dan Serunai Silat. Serunai yang terkenal dalam seni muzik di Malaysia ialah Serunai Kedah dan Serunai Kelantan (Wayang Gedek dan Wayang Kulit).

Serunai biasanya dimainkan dalam muzik Gendang Keling, Gendang Silat, Wayang Kulit, Menora, dan Puteri. Selain itu, serunai juga dimainkan dalam majlis-majlis tertentu seperti Majlis Perkahwinan, Majlis Rasmi Diraja,

dan menyambut tetamu. Serunai Kelantan dihasilkan dalam pelbagai bentuk dan boleh dijadikan sebagai cenderamata serta perhiasan.

Setiap permainannya mempunyai perbezaan dari segi saiz dan intonasi. Wayang Kulit Kelantan menggunakan serunai agak kecil sedikit yang bersaiz 13 inci berbanding Serunai Silat untuk menghasilkan bunyian yang berbeza. Serunai Kelantan bersaiz ini akan mengeluarkan suara sangat runcing dan nadanya sangat tinggi. Serunai Silat mempunyai sedikit perbezaan dari segi saiz dan panjangnya iaitu 14.5 inci dan mengeluarkan suara agak kasar. Terdapat beberapa contoh gambar serunai yang masih digunakan dalam kalangan penggiat seni sehingga kini untuk memartabatkan seni sebagai satu warisan.

Bil	Jenis – Jenis Serunai di Malaysia	Dimainkan dalam Persembahan
1	<p><u>Serunai Silat Kelantan</u> Saiz Serunai : 14.5 inci</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Seni Silat Tari ❖ Gendang Silat ❖ Majlis Perkahwinan
2	<p><u>Serunai Wayang Kulit</u> Saiz Serunai : 13 inci</p> 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Wayang Kulit ❖ Menora ❖ Mek Mulung ❖ Caklepong ❖ Main Puteri (Magis)

Jadual 1 : Senarai jenis-jenis serunai di Malaysia serta persembahan

Pelbagai alat muzik tradisional yang terdapat di semenanjung Malaysia bahkan Sabah dan Sarawak. Gabungan ritma dan intonasi muzik yang murni bergabung menjadi suatu melodi yang istimewa.


Variasi muzik tradisional di Malaysia adalah hasil campuran pelbagai etnisiti di negara ini. Istimewanya, pelbagai etnik termasuk kaum majoriti Malaysia iaitu Melayu, Cina, dan India serta Bumiputra Sabah dan Sarawak bergabung menghasilkan alunan muzik nusantara yang unik yang tidak terdapat di negara lain. Muzik tradisional secara amnya digunakan sebagai lambang budaya sesuatu bangsa selain daripada tujuan untuk hiburan dan mengiringi upacara-upacara adat tertentu.

Serunai digunakan sebagai alat penyebar maklumat, lambang budaya bangsa, alat ritual yang dapat menghubungkan manusia dengan alam luar biasa (magis) selain daripada fungsi utamanya sebagai alat hiburan.

Menurut Abdul Hamid Adnan dalam bukunya berjudul Muzik Caklempung, kajian terhadap terminologi iaitu ditafsirkan sebagai klasifikasikan alat-alat muzik utama yang terdapat dalam sesuatu budaya di sesetengah wilayah. Satu sistem klasifikasi alat-alat muzik yang sempurna telah dibuat oleh Curt Sachs dan Erich M. von Hornbostel pada tahun 1914. Mereka telah menggunakan idea dan prinsip akustik yang penuh berasaskan pada bahagian bergetar dalam alat muzik. Curt Sachs dan Erich M. von

Hornbostel telah membahagikan lima kategori yang utama dalam sistem klasifikasi iaitu idiofon, membranofon, kordofon, erofon, dan elektrofon. Kelima-lima kategori ini mempunyai perbezaan dari segi rupa, bunyi, dan saiz.

Erofon merupakan alat-alat muzik yang menghasilkan bunyi melalui lubang udara. Bagi masyarakat pribumi Malaysia, terdapat beberapa jenis alat muzik erofon seperti serunai, seruling, nafiri, dan seruling hidung.



Rajah 2 : Bahagian-bahagian yang terdapat pada sebatang serunai

Alat muzik tradisional Melayu di Kelantan, iaitu serunai amat dikagumi oleh pencinta seni tanah air. Ibarat lagu dan irama kerana alat muzik tersebut merupakan teman kedua dalam hidup Che Isa Bin Samad, 68 tahun merupakan seorang pengukir serunai yang hebat di Kelantan dan mendapat anugerah sebagai Adiguru Serunai oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Badan Serunai Kelantan berbentuk kon dan terdiri daripada tiga bahagian yang diperbuat daripada kayu dan boleh dipisahkan. Panjang badannya adalah di antara dua belas hingga lapan belas inci dan mengandungi tujuh lubang petik di atas dan satu lubang jerit di bawah. Bahagian badan dan kecopong Serunai Kelantan mempunyai ukiran yang biasa digunakan oleh pengukir Kelantan iaitu tapak manggis dan pucuk rebung. Ukiran ini menjadi asas kepada pengukir di Kelantan dalam pelbagai jenis kraftangan.

Serunai diperbuat daripada kayu yang dipilih biasanya daripada jenis kayu yang liat dan tahan lama seperti kayu Nangka, Lada, Tanduk Sira, Merbau, Sena dan Belian. Kayu Tanduk Sira sukar untuk didapati kerana kepupusan dan sukar untuk dijumpai. Kayu Belian juga sukar didapati dan hanya terdapat di Borneo Sarawak sahaja. Kos penghantaran sangat tinggi dan menyukarkan pembuat serunai untuk menjual dengan harga yang lebih tinggi kepada orang ramai.

Serunai adalah sejenis alat muzik tradisional yang perlu ditiup apabila hendak membunyikannya. Badannya boleh diceraikan kepada tiga komponen atau bahagian iaitu nali, batang serunai, dan kecopong. Bahagian utama serunai ialah pelidahnya. Pelidah serunai berlapis-lapis iaitu terdiri daripada dua lapisan berkembar, jumlahnya empat pelidah. Pelidah ini diperbuat daripada daun lontar yang telah dikeringkan.

Istilah muzik barat, bunyi rendah ini dipanggil soprano, tenor, atau alto. Serunai dimainkan dengan menggunakan satu teknik yang dikenali “circle breathing” iaitu udara disedut melalui hidung dan ia serentak ditiupkan melalui serunai ini. Bunyi yang terhasil adalah nota yang berterusan. Bagi sesetengah penggiat seni yang mahir dalam bidang tiupan serunai, mereka mengatakan bahawa tiada not muzik dicatatkan dan mereka hanya bermain dengan menghayati lagu yang hendak dimainkan. Tambahan pula, asal serunai ini dimainkan oleh pembawakan orang lama dan mereka juga tidak mengetahui not muzik tersebut.

Keunikannya terserlah dari segi ukiran yang mempunyai nilai estetika yang tinggi, tahap kemerduan serunai, dan proses pembuatannya amat dititik beratkan oleh Che Isa. Aspek-aspek lain juga diambil kira dari segi ukiran motif pada serunai dan pemilihan kayu yang sesuai dan berkualiti dalam menghasilkan serunai yang merdu apabila dimainkan. Pembuat serunai gemar

mencari bahan mentah di luar kawasan sendiri seperti kayu Belian ditempah dari Sarawak manakala kayu biasa boleh didapati di semenanjung sahaja.

1.3 Hipotesis Kajian

Pengkaji mengandaikan bahawa melalui kajian yang dijalankan ini akan memberi maklumat secara terperinci dalam menghasilkan sebuah Serunai Kelantan kepada masyarakat Kelantan khususnya. Selain itu, pengkaji dapat melihat sendiri fungsi serunai dalam sesebuah persembahan teater seperti Wayang Kulit dengan memberi kesan mendalam dalam alunan muzik serunai kepada penonton dan peranan Serunai Kelantan dari aspek sosio budaya. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam bidang kajiannya serta mencapai matlamat dalam proses pembuatan Serunai Kelantan serta fungsinya. Tambahan pula, kajian ini akan membantu pengkaji akan datang untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam bidang pengajian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian sangat penting dalam sebuah kajian untuk menjadi panduan kepada pengkaji bagi mencapai matlamat dalam kajian Pengekalan Seni Warisan Alat Muzik Serunai di Kelantan. Pengkaji membuat kajian terhadap alat muzik tradisional serunai di Kelantan dari segi teknik dan

pemrosesan pembuatan dan fungsi serunai. Kajian terhadap alat muzik serunai ini terlalu kurang dan lebih mendorong kepada pengkaji untuk melakukan kajian dengan harapan dapat menambah pengetahuan mendalam tentang serunai tersebut. Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan meneliti alat muzik tersebut dengan harapan dapat memenuhi objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengkaji bahan-bahan dan peralatan serta teknik-teknik dan proses pembuatan Serunai Kelantan
2. Mengetahui penggunaan alunan muzik serunai dalam persembahan Wayang Kulit
3. Menganalisis fungsi Serunai Kelantan dalam konteks sosio budaya

1.5 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian yang timbul ini menjurus kepada pengkaji untuk membuat kajian ke atas masalah tersebut. Golongan belia merupakan pelapis kepada generasi akan datang untuk memperkembangkan warisan kesenian. Golongan ini kurang mengetahui teknik-teknik dan cara pemrosesan pembuatan serunai serta fungsi alunan muziknya dalam persembahan Wayang Kulit mahupun dalam konteks sosio budaya yang lain. Ini menyebabkan kesenian tidak dapat dikembangkan kepada masyarakat luar. Bagi